



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEIMPLEMENTAN UJARAN DALAM HIKAYAT HANG TUAH
DARI SUDUT PRAGMATIK**

**HUSSIN BIN SARIF
FBMK 2010 6**

**KEIMPLISITAN UJARAN DALAM
HIKAYAT HANG TUAH
DARI SUDUT PRAGMATIK**

Oleh

HUSSIN BIN SARIF

Tesis ini diserahkan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

14 September 2009



DEDIKASI

Khas buat:

*Isteriku Faridah Binti Muhammed
anak-anakku Noorfazyhana, Mohd Fareez,
Muhammad Asyraf dan Puteri Aini Danisah,
rakan dan taulan yang sentiasa menemaniku
di UPM...*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**KEIMPLISITAN UJARAN
DALAM HIKAYAT HANG TUAH
DARI SUDUT PRAGMATIK**

Oleh

HUSSIN BIN SARIF

14 September 2009

Pengerusi : Dr Zatul Azma Zainon Hamzah

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Keimplisitan ujaran bermaksud percakapan yang maksudnya tidak dinyatakan secara terang-terangan. Dalam perbualan banyak ujaran yang tidak menyamai dengan maksud semantiknya. Hal ini demikian kerana pentafsiran makna ujaran bukan setakat pada tahap semantik tetapi boleh menjangkau pada tahap pragmatik.

Pengkaji menggunakan ujaran-ujaran implisit yang terdapat dalam H. H. T sebagai data kajian. Kajian dilakukan dengan meneroka aspek makna secara lebih khusus iaitu mengenal pasti unsur-unsur implisit, penggunaan unsur implisit dalam menyampaikan mesej dan aspek pemikiran ketika mengujarkan ujaran sedemikian. Pengkaji telah mengaplikasikan teori Relevans oleh Sperber & Wilson (1995) mengambil

kira peranan kognitif iaitu melibatkan, konteks, kesan konteks, dan usaha memproses oleh pendengar sebagai kerangka kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak semua ujaran yang dituturkan oleh watak-watak dalam Hikayat Hang Tuah mempunyai makna yang implisit. Namun demikian, ujaran-ujaran yang mempunyai makna implisit menunjukkan bahawa penutur mempunyai mesej tertentu untuk disampaikan kepada pendengar. Makna sebenar ujaran tersebut bergantung kepada peranan kognitif pendengar. Hakikatnya, maksud sebenar sesuatu ujaran itu tidak semestinya berdasarkan makna perkataan yang digunakan dalam ujaran tersebut semata-mata. Dengan perkataan lain, hanya dengan mengkaji konteks, kesan konteks dan set-set andaian oleh penutur akan menjelaskan maksud sebenar yang dihajati oleh penutur. Oleh yang demikian, makna konteks, dan andaian-andaian menjadi penting sebagai petunjuk ke arah mendapatkan maksud sesuatu ujaran. Watak-watak dalam H. H. T., juga telah memanipulasikan penggunaan bentuk-bentuk perkataan dan frasa, peribahasa dan metafora tertentu untuk menyampaikan mesejnya, serta mempunyai niat atau tujuan seperti untuk memberitahu, menyampai maklumat, menyindir, dan melahirkan perasaan.

Akhirnya, pengkaji mendapati, beberapa aspek pemikiran orang Melayu dapat di kesan ketika menuturkan ujaran yang implisit. Beberapa ujaran

yang dianalisis menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dalam K. M. M amat menekankan konsep seperti taat setia dan tidak menderhaka kepada pemerintah Selain dari itu perasaan malu sebagai sesuatu yang mengaibkan dan sifat bersopan santun dan bertertib adalah sebagai salah satu cara berkomunikasi.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia as a fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PRAGMATIC PERSPECTIVE ON
THE IMPLICIT UTTERANCES
IN THE HIKAYAT HANG TUAH**

By

HUSSIN BIN SARIF

14 September 2009

Chairman : Dr Zatul Azma Zainon Hamzah, PhD

Faculty : Modern Languages and Communication

The implicit utterance is the utterances which contain meanings which are not reflected in the words which form the utterances. In speech events, there are several utterances which do not refer to the words being used literally. This is because the meaning of what is spoken is not only based on semantics but also on pragmatic interpretations

In this research, the researcher has explored, in particular, the aspect of meaning that is to say analyzing the meaning of utterances found in the utmost text of Malay literature that is the text of *Hikayat Hang Tuah*. The

objective is to find the elements of implicit, analyzing the implicit meaning, the use of implicit elements and their thoughts. The analysis of the data has been made based on the principles of the Relevance Theory which was forwarded by *Sperber and Wilson (1995)*. This theory takes into account of the cognitive aspects. The intention of the speaker depends on the given data as well as the listener's interpretation

The research finding shows that not all the utterances spoken by the characters in the text have implicit meanings. However, utterances which possess implicit meanings show that speaker has certain messages to convey to the listener. The real meanings of the utterances depend on the intentions as well as the interpretations of the listeners. In truth, the real meaning of an utterance does not have to be based on the meaning of words used in the utterances only. In other words, research in the cognitive aspects meaning of an utterance may not yield the real meaning as intended by the speaker. Thus, contextual meaning becomes essential as an indicator towards eliciting the real meaning of an utterance. The speaker may also manipulate the uses of words and phrases, proverbs and metaphors to relay his message, as well as, having a particular intention or purpose such as to inform, or being sarcastic or to convey feelings.

Finally, the researcher detected various aspects of Malay mentality while they are saying something implicitly. From what is spoken, it is noticed that

the Malay community in the Malay Sultanate era, stresses on being loyal and faithful towards the ruler. The Malays also feel that being humiliated, can be very shameful. Besides that, they also consider being polite or well mannered were very important in their way of communication.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang
Salawat dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinan dan limpah kurnia-Nya dapat menyempurnakan tesis ini. Tesis ini adalah sebagai syarat untuk memperoleh Ijazah Kedoktoran (PhD) daripada Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada yang saya hormati Dr. Zatul Azma Zainon Hamzah selaku pengurus penyeliaan, Prof Madya Dr. Mohd Azidan Bin Abdul Jabar dan Prof Madya Dr. Lim Swee Tin selaku penyelia bersama yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya bimbingan dan tunjuk ajar yang tuan dan puan berikan selama pengajian di UPM amatlah saya hargai.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak pengurusan Perpustakaan UPM, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pengurusan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dan Perpustakaan Awam Negeri Johor, Cawangan Batu

Pahat kerana memberikan kerjasama dan komitmen yang baik untuk saya mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk tujuan penulisan tesis ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada Tuan Pengarah IPG Kampus Tun Hussein Onn Batu Pahat, Tn Hj. A. Aziz Bin Bakar yang sentiasa memberi semangat dan peluang kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga berjaya. Ucapan terima kasih tidak terhingga saya tujukan kepada Mustaffa Bin Atan dari Jamaah Nazir Persekutuan dan rakan taulan yang sering menemani saya di UPM. Sesungguhnya jasa baik dan budi tuan akan saya ingati buat selamalamanya.

Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada isteri Faridah Binti Muhamad dan anak-anak yang sentiasa memberikan semangat dan sokongan kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga berjaya. Sesungguhnya kalian semua adalah pemangkin kejayaan saya.

Terima kasih untuk semuanya. Semoga Allah jua yang membala segala jasa baik kalian.

Wassalam.

Hussin Bin Sarif
GS 15680

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 14hb. Sept. 2009 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Hussin bin Sarif bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Keimplisitan Ujaran dalam Hikayat Hang Tuah dari sudut Pragmatik" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakarkan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Samsina Rahman, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

Zulkifley Ahmad, PhD

Profesor

Pusat Pengajian Bahasa

Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Doktor Falsafah. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Zatul Azma Zainon Hamzah, PhD
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Prof. Madya Mohd Azidan Bin Abdul Jabar, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Prof. Madya Lim Swee Tin, PhD
Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Januari 2010

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

(HUSSIN BIN SARIF)

Tarikh:

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

DEDIKASI	i
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	vi
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	xi
PERAKUAN	xii
JADUAL KANDUNGAN	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii

BAB I

PENDAHULUAN	01
Latar belakang kajian	13
Penyataan Masalah	16
Objektif Kajian	21
Kepentingan Kajian	21
Batasan Kajian	23
Teks Hikayat Hang Tuah	24
Definisi Operasional	34
Keimplisitan	34
Ujaran	37
Pragmatik	40
Implikatur	41
Kesimpulan	42

BAB II

SOROTAN LITERATUR	45
Pengenalan	45
Kajian tentang pragmatik di Barat	54
Kajian tentang pragmatik di Malaysia	58
Kajian tentang Teks Hikayat Hang Tuah	70
Kesijmpulan	72

BAB III

METODOLOGI KAJIAN	74
Pengenalan	74
Reka Bentuk Kajian	74
Konsep dan Kerangka Teori	75
Kod dan Inferen	83
Kognisi dan relevan	88
Komunikasi dan relevan	91
Kerelevan yang Optimum	93
Pendekatan Kajian	101
Tata cara kajian	102
Kaedah Kajian	102
Bahan Kajian	102
Analisis Data	103
Kerangka Konsepsi	103
Kesimpulan	106

BAB IV

ANALISIS DATA	108
Pengenalan	105
Analisis Makna Ujaran dalam H.H.T	113

Unsur-unsur implisit yang terdapat dalam H. H. T

Perkataan	
Menari	114
Melayu	116
Main	118
Membuangkan	120
Bekas tangan	123

Frasa dan Ayat	
Sedang tubuh patik...	125
Akan jadi raja besar	128
Menteri besar	130
Tiada mahu bertuan lain daripada asal	
Anak cucu Syah Alam	132
Nescaya mudah pada mata seterunya	135
Peribahasa dan Metafora	
Barang sesuatu pekerjaan ...	137
Sepala-pala mana	137
Pagar makan padi	143
Seperti telur sesangkar pecah sebiji pecah	
Semuanya	144
Yang pipit sama pipit yang enggang sama enggang.	145
Seperti api jika kecil dapat dipadamkan apabila ia besar sudah sukarlah kita memadamkannya.	150
Seperti kejatuhan bulan rasanya	153
Makna ujaran yang implisit	
Peristiwa 1	156
Peristiwa 2	160
Peristiwa 3	162
Peristiwa 4	164
Peristiwa 5	167
Peristiwa 6	169

Peristiwa 7	171
Peristiwa 8	174
Peristiwa 9	175
Penggunaan Unsur Implisit dalam menyampaikan mesej	
Fitnah 1	181
Fitnah 2	183
Taat setia	186
Taat setia 2	187
Taat setia 3	189
Akibat	
Rasional ketaat setiaan Hang Tuah	192
Rasional penderkaan Hang Jebat	194
Aspek pemikiran orang Melayu ketika menuturkan ujaran implisit.	
Konsep ketaatan	197
Menjaga maruah	198
Sistem sosial	199
Konsep malu	200
	205
Kesimpulan	208
BAB V	
RUMUSAN DAN CADANGAN	
Rumusan	197
Cadangan Kajian	209
Penutup	211
BIBLIOGRAFI	224
LAMPIRAN	
BIODATA PENULIS	

SENARAI RAJAH

Rajah		muka surat
1:	Proses Menentukan Makna Ujaran Dari Sudut Pragmatik	82
2:	Kerangka Konsepsi	105



SENARAI SINGKATAN

- | | | |
|---------|---|---------------------------|
| DBP | - | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| H. H. T | - | Hikayat Hang Tuah |
| K. M. M | - | Kesultanan Melayu Melaka. |
| K. K. T | - | Kata Kerja Transitif |

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Pengertian makna telah lama diperdebatkan oleh para sarjana ilmu makna. Polanyi dan Prosch, (1975:89) mengatakan bahawa manusia hidup di sekitar makna-makna yang berupaya ditafsirkan. Pemikiran adalah penting untuk memberikan makna bagi sesuatu perkara. Pemikiran akan mentafsir dan memberikan pengertian terhadap bunyi-bunyi bahasa yang sampai kepada alat pendengaran manusia.

Keimplisitan berasal daripada kata implisit yang membawa maksud sesuatu yang tidak dinyatakan secara terang-terangan. Dalam perbualan, banyak ujaran yang bersifat demikian. Ujaran atau kata-kata tidak menyamai maksud literalnya semasa diungkapkan dalam satu peristiwa bahasa antara penutur dan pendengar secara timbal balik.

Menurut Jenny Thomas (1995:02), ujaran yang diucapkan oleh seseorang penutur itu tidak semestinya mengandungi maksud seperti yang diucapkan (*literal or abstract meaning*) tetapi kadang-kadang

menjangkau kepada makna mengikut konteks (*utterances meaning*). Menurut Grice (1978 : 113) dalam menerangkan interpretasi ujaran secara umum Grice membezakan maksud penutur kepada apa yang diujarkan dan apa-apa yang sebenarnya dimaksudkan (*what is said and what is implicated*).

Dalam hal ini, penentuan makna ujaran amat bergantung kepada penggunaannya mengikut konteks kerana konteks wujud dengan kepelbagaian kemungkinan pengertian menurut setiap perspektifnya. Oleh itu, untuk mengetahui maksud ujaran, amat perlu ujaran tersebut dianalisis berdasarkan pendekatan pragmatik. Konsep eksplikatur (Sperber & Wilson, 1995:182) dan Implikatur (Grice, 1981:12) disepadukan dalam pendekatan Teori Relevans digunakan bagi mendapatkan makna abstrak, taksa dan eliptik.

Bidang pragmatik telah memperkenalkan pelbagai teori yang berkaitan dengan interpretasi ujaran. Oleh itu, adalah wajar bagi ujaran-ujaran tertentu yang mempunyai maksud berbeza dengan apa yang dituturkan, dianalisis berdasarkan teori tersebut. Hal ini kerana bidang pragmatik merupakan kajian makna terhadap sesuatu ujaran apabila digunakan dalam keadaan tertentu (Leech, 1993:xi). Berdasarkan hakikat tersebut, prinsip-prinsip pragmatik dalam penentuan makna ujaran akan dijadikan asas bagi mendapatkan makna sebenar sesuatu ujaran.

Bidang Pragmatik sering dimaksudkan sebagai kajian tentang penggunaan bahasa dan berbeza dengan kajian tentang bahasa, yang lebih menumpukan kepada huraian bahasa daripada segi strukturnya. Dalam konteks yang luas, bidang ini berada antara kajian formal tentang ujaran berbentuk kiasan kepada kajian berkaitan dengan sosiolinguistik dalam menghurai ujaran yang difahami oleh sesuatu kelompok masyarakat. Dalam konteks yang lebih khusus, bidang pragmatik berbeza dengan bidang semantik, dan kajian tentang makna linguistik, tetapi lebih kepada kajian tentang faktor konteks dan hubungannya dengan makna linguistik dalam ujaran. Konteks bertindak balas dengan maksud linguistik dalam menghurai makna ujaran.

Bidang pragmatik mula diberi perhatian selepas usaha Charles Morris (1938), yang mendefinisikan bidang ini sebagai kajian tentang hubungan antara tanda dengan huraianya. Walau bagaimanapun bidang ini semakin mendalam dikaji selepas Paul Grice memberikan ceramahnya di Universiti Harvard dalam tahun 1967. Grice memperkenalkan satu konsep baru iaitu, implikatur. Usaha ini bertujuan untuk menyelaras perbezaan pendapat antara dua pendekatan yang dominan dalam falsafah bahasa iaitu *Ideal Language Philosophy* dengan *Ordinary Language Philosophy* (Recanati 1987: 2, 1998 : 620, 2004a, b : 442). Ahli falsafah bahasa yang tergolong

dalam *Ideal Language Philosophy*, seperti Frege, Russell, Carnap dan Tarski mengkaji bahasa sebagai satu sistem yang formal. Sementara ahli falsafah bahasa yang tergolong dalam *Ordinary Language Philosophy* seperti Wittgenstein, Austin dan Strawson pula mengkaji tentang cara sesuatu bahasa itu sebenarnya digunakan (Sperber dan Wilson, 1986 : 5)

Golongan ini lebih berminat untuk memfokuskan kajian mereka kepada huraian istilah, kepelbagaian bentuk ujaran dan maknanya. Mereka seterusnya mengatakan bahawa, adanya pemisah antara hubungan makna semantik dengan bahasa secara semula jadinya. Grice (1989 : 12) menjelaskan garis pemisah itu boleh dikurangkan dengan melihat perbezaan antara makna ayat dengan makna ujaran (*sentence meaning and speaker's meaning*).

Pendekatan ini dapat menunjukkan bahawa makna linguistik dan makna berdasarkan konteks bukan sahaja boleh digunakan untuk menjelaskan kepelbagaian maksud penutur dan setakat perkara yang diujarkan (*what was said*) tetapi juga apa-apa yang penutur andaikan (*what was implicated*). Konsep ini menjadi asas kepada pendekatan pragmatik moden.

Grice (1989 : 18) mengemukakan dua pendekatan dalam pragmatik, iaitu pertama, makna ayat sebagai alat untuk menyampaikan makna

penutur, makna yang boleh dikesan dan cuba disampaikan. Maksud penutur adalah ujaran yang mencapai objektifnya apabila mampu dikesan oleh pendengar. Dalam memperkenalkan idea ini Grice mengemukakan konsep *inference* sebagai alternatif kepada model klasik komunikasi yang lebih menumpukan kepada peranan kod. Mengikut model klasik sesuatu ujaran mempunyai tanda yang dikaitkan dengan maklumat yang cuba disampaikan oleh penutur.

"[Speaker] meant something by 'x' is (roughly) equivalent to '[Speaker] intended the utterance of x to produce some effect in an audience by means of the recognition of this intention"

(Grice 1989:220).

Apa yang diucapkan adalah sama dengan yang dimaksudkan. Untuk memberi kesan kepada pendengar agar mereka mengenal pasti tujuan pengucapan

(Grice 1989:220).

Grice juga mengatakan bahawa perbualan boleh berlaku tanpa menggunakan kod. Perkara yang penutur perlu lakukan untuk menyampaikan sesuatu maksud adalah dengan membiarkan pendengar mengesan hasrat yang cuba disampaikan oleh penutur.